

09 OKTOBER 2017

## Dadah serendah RM5

### Pantau sekolah terlibat dadah

**KUALA NERANG** - Kementerian Pendidikan mengukir terdapat 420 sekolah panas berkait masalah dadah di seluruh negara.

Bagaimanapun Menteri, Datuk Mahdzir Khalid berkata, pihaknya sentiasa memantau sekolah terlibat dengan kerjasama pelbagai agensi dan polis.

"Kementerian harapkan lebih banyak maklumat dapat disalurkan bagi memudahkan usaha mengatasi masalah dadah dalam kalangan pelajar.

"Pihak sekolah, PIBG serta polis juga sudah menjalinkan kerjasama bagi menyelesaikan masalah ini," katanya pada program Walkabout Menteri Besar Kedah ke Padang Terap, semalam.

### PIBGN gesa langkah pencegahan dari awal

**SHAH ALAM** - Persatuan Ibu Bapa dan Guru Nasional (PIBGN) menggesa supaya setiap pihak yang berkenaan mengambil langkah pencegahan dari peringkat awal bagi membendung gejala penagihan dan penyalahgunaan dadah dalam kalangan pelajar.

Presidennya, Prof Madya Datuk Dr Mohamad Ali Hassan berkata, menerusi statistik yang dinyatakan Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Nur Jazlan Mohamed kelmarin, ia menunjukkan secara lebih serius bagi menangani masalah tersebut.

"Kerajaan dah nyatakan dadah musuh nombor satu negara dan masyarakat mengharap supaya langkah lebih jitu diambil untuk menangani masalah tersebut," katanya, semalam.

# Dadah serendah RM5



Nur Jazlan pada Persidangan Perwakilan Tahunan Kesatuan Penghulu Penggawa Semenanjung Malaysia kali ke-43, semalam.

**NORSHIKIN MOHD SALLEH**

**JOHOR BAHRU** - Dadah moden jenis *amphetamine type stimulant* (ATS) seperti ekstasi dan amphetamine menjadi pilihan baharu menggantikan dadah tradisional seperti ganja, heroin dan morfin di kawasan panas seluruh negara.

Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Nur Jazlan Mohamed berkata, dadah sintetik dihasilkan secara pemrosesan campuran bahan-bahan kimia itu menjadi pilihan pelajar dan penuntut universiti kerana harganya serendah RM5, selain menjadi trend masa kini.

Menurutnya, kebiasaannya pelajar menggunakan dadah sintetik itu untuk menghadapi peperiksaan.

"Dadah ATS dikesan tinggi penggunaannya

di kawasan rumah mampu milik terutama di Kuala Lumpur dan Lembah Klang. Begitu juga tinggi penggunaannya di Kedah, Perlis dan Kelantan, manakala kes dadah paling tinggi di kawasan Felda adalah di Pahang.

"Bagi pelajar atau penuntut universiti pula biasanya menggunakan dadah ATS untuk menghadapi peperiksaan disebabkan tidak melakukan persediaan, mereka ambil dadah tersebut supaya dapat bertahan semasa mengulang kaji pada saat akhir," katanya selepas Persidangan Perwakilan Tahunan Kesatuan Penghulu Penggawa Semenanjung Malaysia kali ke-43 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Persada di sini, semalam.

Jazlan yang juga Yang Dipertua Persatuan Mencegah Dadah Malaysia (Pamadam) berkata, mengikut data terdapat trend peningka-

### INFO AMPHETAMINE-TYPE STIMULANTS (ATS)

- Gelaran untuk sekumpulan dadah jenis perangsang atau stimulants seperti methamphetamine, methcathinone dan ekstasi.

- Dadah paling popular ialah ekstasi dan syabu, dadah ATS paling banyak disalahgunakan.

- Boleh didapati dalam bentuk pil, serbuk (hidu) dan larutan (suntikan).

- Ia menjadi lebih berbahaya kepada manusia kerana diadun daripada pelbagai bahan kimia termasuklah yang digunakan dalam racun tikus, cecair peluntur, malah ada dicampurkan dengan kaca lampu florescent.

- Amphetamine ialah analog sintetik ephedrine digunakan sebagai pengkang selera makan.

- Ephedrine telah diasingkan secara proses kimia pada 1897 daripada tumbuh-tumbuhan yang digolongkan di bawah genus ephedra. Memandang ephedrine diperlukan untuk menghasilkan amphetamine, maka ia digolongkan sebagai bahan kimia terkawal di negara ini.

Sumber: Agensi Dadah Kebangsaan

tan kes dalam kalangan pelajar dikesan iaitu 1,983 orang pada 2015 berbanding 1,662 tahun sebelumnya.

"Penggunaan ATS ini menguasai 73 peratus diikuti kanabis (19.20 peratus) dan lain-lain lapan peratus.

"Mengikut rekod pada 2015, seramai 35,675 pelajar menjalani ujian saringan penyalahgunaan dadah dan 1,475 orang dikesan positif," katanya.